

515:
MAHATHIR

KELANG, 3 APRIL (BERNAMA)-- YURAN SEKOLAH DI TINGKATAN SATU AKAN DIHAPUSKAN MULAI TAHUN DEPAN, DEMIKIAN DIUMUMKAN OLEH MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

MULAI TAHUN DEPAN JUGA, SEMUA MATA PELAJARAN, KECUALI BAHASA INGGERIS, DI TINGKATAN SATU AKAN DIAJAR DALAM BAHASA MALAYSIA, MELAINKAN DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CHINA DAN TAMIL.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM UCAPAN MERASMIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT KAPAR DEKAT SINI. UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN, HAJI MURAD MOHAMED NOOR.

DR. MAHATHIR KESAL TERHADAP SIKAP SETENGAH-SETENGAH SEKOLAH DI LUARBANDAR YANG MEMENTINGKAN BANGUNAN SEKOLAH YANG INDAH DARIPADA KEMUDAHAN BELAJAR.

BANYAK SEKOLAH YANG UZUR DI KAWASAN LUAR BANDAR TERBIAR SEMENTARA MURID-MURIDNYA BELAJAR DALAM KEADAAN YANG MENYEDIHKAN, SEMATA-MATA KERANA MENUNGGU GILIRAN BILA SEKOLAH ITU DI GANTI DENGAN BANGUNAN YANG INDAH. --BERSAMBUNG 1117/MD

516:
MAHATHIR 2 KELANG

+UNTUK MENDAPATKAN BANGUNAN YANG INDAH, ANAK-ANAK KITA MENDERITA BEGITU LAMA.

KEADAAN YANG TIDAK MENYENANGKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH LUARBANDAR INI AKAN DAPAT DISINGKIRKAN KALAU PIHAK SEKOLAH SANGGUP MENERIMA BANGUNAN YANG SEMPURNA SEBAGAI SEBUAH SEKOLAH TANPA MEMBUAT BERBANDINGAN DENGAN SEKOLAH-SEKOLAH LAIN.

MENTERI ITU BERKATA, SIKAP MEMENTINGKAN BANGUNAN INDAH MENYEBABKAN PERUNTUKAN KEMENTERIAN TIDAK MEMCUKUPI.

WALAUPI PERQQPAZAGJ

ENTERIANNYA BESAR, TETAPI TIDAK CUKUP UNTUK MELAYAN SEMUA KEHENDAK RAKYAT DAN DARI ITU, PERKARA-PERKARA YANG MUSTAHAK MESTILAH DIUTAMAKAN.

DR. MAHATHIR JUGA MEMINTA LEMBAGA PENGURUS SEKOLAH DAN PERSATUAN IBUBAPA-GURU MEMAINKAN PERANAN PENTING UNTUK MENGATASI KESULITAN DAN MASALAH SEKOLAH. --BERSAMBUNG 1122/MD

517:
MAHATHIR 3 KELANG

BAGAIMANAPUN, SEGALA INISIATIF LEMBAGA DAN PERSATUAN MESTILAH DATANGNYA DARIPADA GURU-GURU SENDIRI.

OLEH ITU, GURU-GURU HENDAKLAH SENTIASA MENDAMPINGKAN DIRI DENGAN MASYARAKAT AGAR PERJALANAN SEKOLAH BERJALAN LICIN DAN SEMPURNA.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, MULAI TAHUN INI, KERAJAAN MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT UNTUK RANCANGAN BANTUAN BUKU TEKS. --BERNAMA 1123/MD